

# VIRUS AVIAN INFLUENZA **SIRI 2**

Disediakan oleh : Faizul Fikri Mohd Yusop  
 Institut Penyelidikan Veterinar, Ipoh, Perak

Jangkitan Virus *Highly Pathogenic Avian Influenza* (HPAI) H5N1 di Malaysia

## JANGKITAN HPAI H5N1 DI MALAYSIA




Pada tahun 2004, Malaysia telah mengesan kes pertama jangkitan virus Avian Influeza (AI) pada ayam kampung di Pasir Pekan, Kelantan yang terletak pada jarak 22 km dari sempadan Thailand. Pada ketika itu, dikatakan sebanyak lebih 60 ekor ayam kampung telah dijangkiti oleh virus tersebut. Selepas ujian pengesahan dan pencirian oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar dijalankan, virus tersebut diklasifikasikan sebagai virus *Highly Pathogenic Avian Influenza* (HPAI) subtipe H5N1. Menurut OIE, virus berbahaya tersebut telah menyebabkan beberapa siri wabak di kalangan negara-negara Asian pada akhir 2003 dan masih berterusan hingga kini. Kesan jangkitan wabak HPAI di Malaysia pada ketika ini telah mengakibatkan implikasi terhadap aktiviti eksport terutama ke Singapura.

Gelombang jangkitan HPAI H5N1 tersebut telah melanda Malaysia sekali lagi pada tahun 2006 dan 2007 di mana pada tahun 2006, jangkitan HPAI H5N1 telah dikesan di sekitar negeri Perak. Antara kawasan yang terlibat adalah di Gunung Semanggol dan Changkat Tualang. Perebakan wabak ini dipercayai disebabkan oleh burung hijrah yang bertindak sebagai pembawa dan penyebar virus maut tersebut kepada unggas tempatan. Ini adalah kerana terdapat tasik di Gunung Semanggol yang menjadi tumpuan burung-burung hijrah tersebut sebelum bergerak ke destinasi seterusnya. Kejadian ini telah mengakibatkan pihak pengurusan zoo di Bukit Merah Lake Town Resort mengambil langkah berjaga-jaga dengan menutup zoo berkenaan dari kunjungan awam. Di samping itu juga, gelombang kedua ini terus merebak hingga ke Kuala Lumpur. Antara tindakan yang telah diambil oleh pihak berkuasa tempatan adalah memusnahkan unggas-unggas yang berada dalam 2 – 10 km dari tempat wabak berlaku. Selain daripada itu, pampasan juga diberikan kepada orang awam yang terlibat dimana sebanyak 58,457 unggas dan 8,437 biji telur telah dimusnahkan.

Pada tahun 2007, negara sekali lagi dikejutkan dengan penularan dan penemuan jangkitan virus HPAI H5N1 pada unggas di sekitar Kampung Paya Jaras Hilir, Sungai Buloh, Selangor. Gelombang ketiga ini juga menjangkiti ayam kampung peliharaan orang awam. Menurut sumber DVS, lebih 3000 ekor unggas dan lebih 800 biji telur unggas telah dimusnahkan. Gelombang jangkitan ini juga telah menyebabkan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengeluarkan kenyataan memohon orang awam berjaga-jaga memandangkan virus HPAI H5N1 tersebut boleh menjangkiti manusia dan boleh menyebabkan kematian. Disamping itu, sistem biokeselamatan di peringkat ladang ternakan unggas juga mula dipertingkatkan dengan penggunaan pencelup kaki, pencucian reban secara berjadual dan tahap kebersihan dipertingkatkan untuk mengurangkan kadar jangkitan. Unggas-unggas akan diperiksa secara berkala untuk memastikan tiada jangkitan dan pergerakan unggas diminimumkan dan dikawal sepenuhnya oleh DVS.



Pihak DVS telah menjalankan aktiviti pengawasan dan saringan ke atas ladang-ladang ternakan unggas diseluruh Malaysia secara berkala untuk memastikan semua ternakan unggas adalah bebas dari jangkitan virus AI. Berkat kesungguhan dan kerja keras tersebut, Malaysia telah diisytiharkan bebas penyakit AI pada akhir tahun 2007.



Setelah 10 tahun berlalu, Kg Pulau Tebu di Kelantan dikejutkan dengan kes kematian ayam kampung yang tinggi pada bulan Mac 2017. Ujian dan pemeriksaan sampel dijalankan di Institut Penyelidikan Veterinar (VRI), Ipoh telah menunjukkan kehadiran virus HPAI H5N1 sekali lagi di Malaysia. Wabak tersebut dipercayai disebabkan oleh aktiviti laga ayam yang masih aktif dikalangan masyarakat di negeri Kelantan terutama di kawasan sempadan. Pihak DVS dengan kerjasama badan-badan bertanggungjawab yang lain telah berjaya mengawal penyakit tersebut dalam tempoh kurang dua bulan. Kerajaan negeri Kelantan telah mengisytiharkan wabak HPAI H5N1 sebagai bencana negeri pada ketika itu. Dianggarkan lebih 34,000 ekor unggas dan 4903 biji telur ayam dihapuskan untuk tujuan kawalan penyakit. Setelah 90 hari kerja-kerja pemantauan dijalankan, wabak HPAI H5N1 tersebut telah berjaya dikawal sepenuhnya. Akhirnya pada 1 Julai 2017, Malaysia sekali lagi memperolehi status bebas HPAI dari OIE.

Wabak terakhir HPAI H5N1 dikesan di Malaysia adalah di negeri Sabah iaitu pada tahun 2018. Wabak tersebut berlaku di daerah Tuaran dimana jangkitan virus tersebut dikesan pada ladang ternakan ayam. Terdapat beberapa buah ladang di sekitar daerah Tuaran menghadapi wabak tersebut. Dengan tindakan yang pantas, wabak tersebut berjaya dikawal dari terus merebak. Sehingga kini, tahun 2021, tiada jangkitan virus HPAI H5N1 baru yang direkodkan. Ujian saringan dan pengawasan kesihatan ke atas ladang-ladang ayam termasuk ayam kampung juga dijalankan untuk memastikan jangkitan virus HPAI H5N1 dapat dibendung.

Penularan wabak HPAI H5N1 tersebut telah berjaya dikawal sepenuhnya, namun ianya telah meninggalkan kesan kepada penternak khususnya dan negara amnya.